

**Henti salahkan Akta Darurat sebagai punca jenayah naik, kata DAP
Malaysian Insider
June 21, 2013
Oleh Md Izwan**

Pasukan polis tidak wajar memberikan alasan pemansuhan Akta Darurat pada 2011 sebagai alasan peningkatan jenayah di dalam negara, kata pemimpin DAP Tony Pua yang menyifatkan punca sebenar adalah salah guna sumber pihak berkuasa tersebut.

Kecaman Setiausaha Publisiti DAP tersebut hadir selepas The Malaysian Insider melaporkan kenyataan seorang pegawai tertinggi dalam pasukan polis yang mengatakan tugas untuk memerangi jenayah terganggu kerana undang-undang pencegahan yang telah dimansuhkan.

"Polis Diraja Malaysia perlu berhenti daripada menyalahkan pemansuhan Akta Darurat sebagai punca peningkatan kadar jenayah.

"Jika polis telah mendapat 'maklumat dan kenyataan daripada saksi serta disahkan mereka', jadi mengapakah mereka tidak dapat mendakwa penjenayah di mahkamah dan heret mereka ke penjara," soal Pua, membidas kenyataan pegawai polis tersebut semalam yang mengatakan penangkapan dibawah Akta Pencegahan adalah berdasarkan maklumat dan bukti yang tepat, bukan sekadar mengambil tindakan rambang.

Pua juga berkata kenyataan mengejutkan tersebut mendedahkan ketidakmampuan polis untuk memerangi jenayah, serta mencabar kerajaan membubarkan Undang-Undang Mahkamah bagi tugas memudahkan polis dan Peguam Negara yang hanya perlu menangkap dan memenjarakan penjenayah tanpa perlu dibawa ke muka pengadilan.

"Adakah polis mengakui mereka tidak berkemampuan sehinggakan mereka gagal untuk menyiasat dengan membekalkan bukti untuk membawa penjenayah ke mahkamah dan memberi hukuman kepada mereka mengikut undang-undang sedia ada.

"Oleh itu, lebih baik kita membubarkan Undang-Undang Mahkamah juga memandangkan ia akan memudahkan polis dan Peguam Negara untuk menghantar penjenayah ke penjara dan tahan tanpa bicara," cabar Pua lagi.

Pua sekali lagi mengulangi pendirian bahawa kegagalan polis memerangi sebenarnya adalah berpunca daripada penggunaan sumber yang salah dalam pasukan polis serta menggesa penstrukturan semula pasukan polis dengan meningkatkan jumlah anggota pegawai penyiasat seperti yang dicadangkan dalam suruhanjaya inkuiri diraja (RCI) pada 2005 untuk membanteras jenayah-jenayah yang berlaku diseluruh negara.

"Sejak lapan tahun lalu, jabatan penyiasatan jenayah (CID) merangkumi hanya 9 peratus daripada pasukan polis, ia tidak berubah sejak dahulu lagi.

"Jumlah ini sangat berbeza jika dibandingkan dengan 41 peratus anggota polis yang menjalankan kerja pengurusan dan 31 peratus lagi ditugaskan Pasukan Simpanan Persekutuan," tambah Pua lagi, yang juga menggesa 20,000 anggota polis beruniform yang berada dalam pejabat supaya ditugaskan menjalankan kerja luar.

Putrajaya telah mengatakan dari 2009 hingga 2012, kadar jenayah kebangsaan menurun sebanyak 27 peratus sementara jenayah jalanan menurun sebanyak 39.7 peratus.

Polis mengatakan kadar jenayah juga jatuh enam peratus untuk suku tahun pertama 2013 berbanding tempoh yang sama tahun lepas tetapi beberapa kumpulan mempertikaikan angka tersebut, mengatakan ianya telah diubah.

Kes terbaru yang mendapat perhatian awam adalah tentang pembunuhan dan percubaan merompak terhadap wanita berumur 52 tahun Irene Ong di Bukit Gasing pada April lalu yang mengundang rasa marah dan sedih ke atas pemergian wanita tersebut.

Pengerusi Pemantau jenayah MyWatch R. Sri Sanjeevan mengatakan Putrajaya dan polis hanya memberitahu jenayah adalah satu persepsi dalam tindak balas terhadap kebimbangan awam.

MyWatch menuduh polis Februari lalu mengubah statistik jenayah, mendakwa kes-kes ragut dan samun tanpa senjata api serta kecurian dan pecah rumah, adalah lebih tinggi daripada indeks jenayah diterbitkan dari Januari hingga Oktober 2011.

Pihak polis walau bagaimanapun menafikan melakukan memanipulasi angka jenayah negara. - 21 Jun, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/henti-salahkan-akta-darurat-sebagai-punca-jenayah-naik-kata-dap/>